



Gold Coast 2018  
4-15 APRIL

Laporan: Ajitpal Singh dan Nor Hairulnizam Zahid  
Jurugambar: Yazit Razali

HARIAN METRO

## Tze Liang janji bangkit

**Gold Coast:** Pencapaian Ooi Tze Liang dilihat semakin menurun sejak memenangi pingat emas 3 meter papan anjal pada Sukan Komanwel Glasgow 2014.

Penerjun itu bagaimanapun akan turun mempertahankan pingat emas 3m papan anjal yang dimenangnya sebelum ini di Pusat Akuatik Optus, hari ini.

Pada temasya lalu, Tze Liang mengejutkan penerjun pilihan, Jack Laugher dari England untuk me-

menangi emas.

Dalam acara 1m papan anjal semalam, penerjun itu mempamerkan persembahan suram apabila menduduki tempat ke-11 dengan keseluruhan 319.00 mata, sementara penerjun pelapis yang membuat penampilan sulung Syafiq Puteh mencatatkan keputusan lebih baik di tempat kelima (378.90 mata), sementara seorang lagi penerjun, Am-syar Azman di kedudukan keenam (369.40 mata).

"Saya fokus memberi persembahan terbaik esok. Persembahan yang buruk hari ini tidak akan memberi kesan terhadap aksi saya dalam acara 3m papan anjal," kata Tze Liang.

# Terjunan taraf dunia

■ Angin kencang tak halang Lela, Jun Hoong raih emas



AKUATIK TERJUN  
Pusat Akuatik Optus

### 10M PLATFORM SEIRAMA WANITA

- 1 Pandelega Rinong-Cheong Jun Hoong (MAS) 328.08 mata
- 2 Meaghan Benfeito-Caeli McKay (CAN) 312.12
- 3 Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri (MAS) 308.16

### 3M PAPAN ANJAL SEIRAMA WANITA

- 1 Esther Qin-Georgia Sheehan (AUS) 284.10
- 2 Alicia Blagg-Katherine Torrance (ENG) 276.90
- 3 Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri (MAS) 264.90

Gold Coast, Australia

**A**ngin kencang tidak membataskan terjunan Pandelega Rinong Cheong Jun Hoong untuk meraih pingat emas Sukan Komanwel Gold Coast 2018 dalam acara 10m platform seirama wanita, semalam.

Jun Hoong Pandelega yang juga pemenang perak Sukan Olimpik Rio 2016, memukau barisan juri dengan lima terjunan bertaraf dunia 52.80, 53.40, 70.20, 76.80, 71.88 untuk mengumpul keseluruhan 328.08 mata, sekali gus memimpin aksi dari mula hingga ke terjunan terakhir.

Sebagai rekod, ia pingat emas ketiga dimenangi skuad terjun negara sepanjang penyertaan dalam Sukan Komanwel selepas Pandelega (10m platform pada edisi 2010) dan Ooi Tze Liang (3m papan anjal pada edisi 2014).

Lebih manis, Malaysia turut merangkul pingat gangsa acara itu menerusi gandingan Leong Mun Yee Nur Dhabitah Sabri yang mencatat 308.16 mata

dengan pingat perak menjadi milik penerjun Kanada, Meaghan Benfeito Caeli McKay (312.12).


Bagi Jun Hoong, ia hari istimewa buatnya kerana emas itu adalah pingat pertamanya sejak membuat penampilan di temasya 2006.

"Saya amat gembira. Terima kasih kepada Pandelega, saya akhirnya memenangi pingat pertama di Sukan Komanwel. Ia juga adalah emas pertama Malaysia dalam 10m platform seirama," kata juara dunia dari Ipoh itu.

"Cuaca agak berangin apabila kami di atas platform, tapi kami kekal fokus dan cuba melakukan apa yang dibuat sepanjang latihan."

Sementara itu, Mun Yee Dhabitah menegaskan, pingat gangsa 3m seirama yang dimenangi pada sebelah pagi lebih sukar berbanding kejayaan mereka dalam 10m platform seirama.

"Kami berada di kedudukan keempat sewaktu mahu melakukan terjunan keempat acara 10m. Kami berjanji kepada diri sendiri untuk menghasilkan terjunan terbaik bagi mendapat pingat."



PANDELEGA (bawah) dan Jun Hoong tiada masalah raih emas acara 10m platform seirama wanita.



MUN Yee (kanan) dan Dhabitah pamer terjunan konsisten.

## Mun Yee, Dhabitah raih dua gangsa

**Gold Coast:** Pasangan penerjun negara, Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri meraih pingat pertama mereka di Sukan Komanwel Gold Coast 2018 dalam acara 3m papan anjal seirama wanita di Pusat Akuatik Optus, semalam.

Mun Yee dan Dhabitah tercicir 61.40 mata di belakang pemenang pingat emas ketika terjunan kelima mereka sedikit terganggu, sekali gus meraih keseluruhan 264.90 mata.

Pasangan itu merekodkan 46.80, 48.00, 69.30 dan 58.50 dalam empat terjunan awal mereka.

Pemenang emas dari Australia, Esther Qin-Georgia Sheehan merekod catatan keseluruhan 284.10 mata, manakala Alicia Blagg-Katherine Torrance (England) di tangga kedua dengan 276.90 mata.

"Kami digandingkan bersama hanya beberapa bulan lalu dan Sukan Komanwel ini adalah kejohanan ketiga kami bersama selepas bulan lalu di Siri Dunia di Beijing dan Fuji. Jadi, penamat ketiga ini adalah satu pendorong yang bagus," kata Mun Yee.

"Secara jujurnya, saya amat gembira, saya tidak melakukan dengan baik dalam latihan berbanding Dhabitah, tapi hari ini saya OK," katanya.

Penerjun berusia 34 tahun itu berkata: "Cuaca agak berangin ketika pertandingan dan sebab itulah banyak pasangan melupakan kesilapan."

Sementara itu, Dhabitah tidak mampu mengawal emosinya ketika majlis penyerahan pingat, namun tampak tenang ketika ditemubual media.

## Zahid ucap tahniah

**Kuala Lumpur:** Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengucapkan tahniah kepada Pandelega Rinong dan Cheong Jun Hoong atas kejayaan memenangi emas pada Sukan Komanwel Gold Coast 2018, semalam.

"Pingat EMAS ke 3 hadiah buat Malaysia dalam acara Terjun 10m Platform Seirama (W).

Tahniah @cheongjunhoong & @PandelegaRinong & @Ayuh, teruskan sokongan untuk atlet negara di GC2018.

"Tahniah @AngelaLeong & @bitahsabri127 berjaya peroleh pingat gangsa buat negara dalam aksi terjunan 10m platform (w). Terbaik Malaysia GC2018," katanya menerusi akaun Twitter rasminya.



### KEDUDUKAN PINGAT

	🥇	🥈	🥉	🏆
Australia	57	43	45	145
England	25	30	21	76
India	12	4	8	24
Afrika Selatan	10	7	9	26
New Zealand	9	10	8	27
Kanada	8	22	17	47
Scotland	7	11	14	32
Wales	7	8	8	23
Cyprus	5	0	2	7
Nigeria	4	4	0	8
Jamaica	3	5	4	12
Malaysia	3	3	5	11
Samoa	2	2	0	4
Botswana	2	1	0	3
Uganda	2	0	1	3